

Kakitangan KUTKM diminta laksanakan tanggungjawab diamanah

Archival News | Utusan Malaysia | 21/12/2005 | Author: NORIZAN MUHID

MELAKA 20 Dis. — Kakitangan akademik dan sokongan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) diminta melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh dedikasi, berinovasi dan berkualiti.

Rektor KUTKM, Datuk Profesor Ismail Hassan berkata, usaha itu boleh dicapai melalui penerapan semangat kerja yang gigih dan mengamalkan budaya kerja berkualiti.

Menurutnya, mereka perlu bergerak aktif dan terus berusaha meningkatkan kewibawaan universiti ke arah menjadi sebuah institusi pendidikan yang maju selaras dengan sasaran yang ditetapkan.

``Universiti amat menitikberatkan pembudayaan kualiti kerja seperti mesra pelanggan, disiplin kerja yang tinggi, bekerjasama dan mempunyai semangat kerja berpasukan serta bijak mengurus segala sumber yang ada,'' katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada 81 kakitangan KUTKM di sini, hari ini.

Memastikan

Bagi meraih kejayaan dan memastikan kecemerlangan berterusan, Profesor Ismail berharap, setiap warga kerja Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan keazaman dan tekad masing-masing untuk terus berusaha dengan lebih gigih.

``Semua kakitangan perlu bekerja kuat dan saya berharap majlis anugerah cemerlang ini dapat dijadikan pendorong ke arah pencapaian perkhidmatan yang lebih gemilang pada masa akan datang,'' katanya.

Katanya, semua pihak yang terlibat perlu menilai kembali sumbangan yang mereka berikan kepada universiti selain berusaha melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan sebaik mungkin.

``Kita juga perlu sentiasa berazam untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan masing-masing agar segala sumbangan yang kita curahkan memberi manfaat kepada semua pihak,'' katanya.

Pada masa yang sama, beliau juga mengingatkan para pelajar agar terus mengejar kecemerlangan kerana melalui usaha gigih yang bersungguh-sungguh sahaja mereka mampu meningkatkan lagi imej dan keunggulan KUTKM.

(Source : Utusan Malaysia)